

Malaysia Dalam Pembangunan - Refleksi Undang-undang Dalam Menghadapi Cabaran Globalisasi*

Rohimi Hj. Shapiee¹

PENGENALAN

Selama lebih sedekad negara-negara di Asia mengalami pertumbuhan ekonomi yang amat memberansangkan. Pertumbuhan yang mengambil masa seabad di Eropah dan Amerika berlaku di Asia dalam masa yang kurang daripada dua puluh tahun. Para pengkaji dan penulis menggambarkan fenomena ini sebagai 'the Asian miracle'. Tetapi dalam suasana kebanyakan warga Asia sedang asyik menikmati kemewahan baru ini, mereka secara tiba-tiba diserang hendap oleh penspekulasi mata wang dan satu persatu sistem ekonomi negara-negara tersebut menjadi lumpuh dan kacau-bilau. Bahkan regim pemerintahan juga turut tersungkur bersama-sama dengan kacau-bilau ekonomi tersebut.

Kemelesetan ekonomi dan kejatuhan mata wang negara-negara Asia menimbulkan tanda tanya kepada banyak pihak tentang peranan globalisasi dalam pembangunan negara. Adakah dengan penglibatan negara dalam sistem ekonomi global, kedaulatan dan pembangunan politik, ekonomi dan sosio-budaya negara dan bangsa dapat terus dipertahankan? Adakah negara-negara membangun dan mundur akan terperangkap dalam satu bentuk kolonialisme baru yang akan mewarnai period alaf ketiga yang sedang berada diambang?

Walaupun diujahkan bahawa dengan membuka pasaran tempatan kepada sistem ekonomi global, ia akan menggalakkan persaingan sihat, ekonomi yang cekap dan memaksima penggunaan sumber bagi faedah pengguna, persoalannya adakah faedah itu dapat dinikmati oleh pengguna-pengguna di dunia membangun dan mundur secara lebih menyeluruh? Adakah sistem pasaran yang sudah mengakibatkan melebarnya jurang pendapatan sama ada di dalam negara atau antara negara, antara yang kaya dengan miskin, dari 30 kali ganda dalam tahun 1960 kepada 60 kali ganda dalam tahun 1990² itu akan mendatangkan keadilan kepada pihak yang lemah dalam sistem globalisasi yang sedang berlangsung? Melihat kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku, kesangsian yang ditimbulkan oleh banyak pihak terhadap peranan sistem ekonomi dunia tidak dapat ditolak begitu sahaja.

Dalam artikel ini penulis akan cuba menjawab persoalan-persoalan yang timbul ini, berdasarkan kepada peranan dan refleksi undang-undang kepada masalah pembangunan dan juga hubungannya dengan globalisasi. Refleksi undang-undang ini juga tidak dapat dipisahkan daripada realiti politik dan ekonomi yang sedang berlaku sama ada di dalam negara atau di peringkat antarabangsa. Pada peringkat negara masalah ini dilihat sedikit secara perbandingan antara Malaysia dan Indonesia. Permasalahan proses dan kesan globalisasi tidak dapat mengelak kita daripada menyelami topik ini dari perspektif undang-undang antarabangsa.

UNDANG-UNDANG DAN PEMBANGUNAN NEGARA

Undang-Undang: H.L.A. Hart,³ mengatakan, pada hakikatnya, tidak ada definisi muktamad mengenai apakah itu undang-undang. Menurutnya, walaupun wujud beberapa sistem undang-undang yang berbeza, dari segi sifatnya undang-undang mempunyai beberapa ciri umum yang rata-ratanya sama. Dalam pengertian yang mudah undang-undang boleh dimaksudkan sebagai satu set perintah-perintah yang diperturunkan oleh pemerintah berdaulat. Kata Hart, asas bagi kewujudan sistem undang-undang ialah;

“Terdiri daripada satu keadaan di mana kumpulan majoriti daripada masyarakat biasanya mematuhi perintah-perintah pihak berdaulat yang disokong dengan ancaman, dan pemerintah pula kebiasaannya tidak perlu patuh kepada sesiapa.” (“Consist of the situation in which the majority of a social group habitually obey the orders backed by threats of the sovereign person or persons, who themselves habitually obey no one”).⁴

Menurut Trubeck,⁵ undang-undang moden mempunyai tiga sifat: (1) Ia pada keseluruhannya merupakan satu sistem peraturan; (2) ia adalah satu bentuk tingkah laku manusia yang bermatlamat; dan, (3) ia pada waktu yang sama adalah sebahagian daripada sistem negara bangsa, tetapi mempunyai kedudukannya yang tersendiri (autonomous).

Undang-undang dalam kebanyakan masyarakat moden telah memainkan peranan penting dalam memudahkan proses pembangunan. Bahkan lebih dari itu, undang-undang di mana-mana sahaja adalah alat penting kepada sistem pemerintahan. Akan tetapi undang-undang yang baik sahaja akan membantu proses pembangunan, manakala undang-undang yang buruk akan menghalang proses tersebut. Maka boleh disimpulkan di sini, undang-undang hanyalah merupakan alat untuk dilaksanakan, para perwakilan yang menggubalnya dan para peguam yang melaksanakannya. Sesungguhnya, undang-undang tidak berbekalkan dengan nilai dari dirinya sendiri.

Bagi kebanyakan negara membangun proses pembangunan selepas kemerdekaan mengalami banyak rintangan. Persoalan ke manakah arah dan apakah asas undang-undang dan pembangunan yang hendak dilaksanakan merupakan persoalan yang dicari-cari jawabannya. Walau pun sudah hampir setengah dekad memperolehi kemerdekaan, pada tahap-tahap yang berbeza mereka menghadapi penglibatan rasmi Barat, penjajahan budaya dan neo-kolonialisme. Sepatutnya undang-undang mencerminkan kehendak dan keperluan pembangunan masyarakat. Sebab itulah di kebanyakan negara-negara Asia dan Afrika terdapat laungan menyeluruh supaya undang-undang dan pembangunan diselaraskan dengan keadaan, keperluan dan aspirasi tempatan termasuklah kehendak-kehendak budaya dan nilai masyarakat.

Dari segi hirarki, undang-undang tertinggi dalam sesuatu negara kebiasaannya adalah Perlembagaan atau misalnya Undang-Undang Dasar (UUD) dalam kontek

Indonesia. Agak berbeza dengan Perlembagaan Malaysia, UUD Indonesia bukan sahaja mengatur kehidupan kenegaraan (sistem politik), tetapi juga merupakan hukum dasar bagi kehidupan sosial, ekonomi dan kebudayaan di Indonesia.⁶ Sedangkan Perlembagaan Malaysia secara keseluruhannya hanya bersifat perlembagaan politik kerana perkara utama yang diaturkannya adalah persoalan ketinggian undang-undang; pengagihan kuasa pemerintahan; dan, segala pertikaian antara kerajaan pusat dan negeri mestilah diselesaikan oleh Mahkamah Persekutuan.⁷ Hal-hal ekonomi seperti kewangan dan belanjawan merupakan perkara sampingan sahaja.

Falsafah sosial Perlembagaan terbatas setakat menyatakan Islam sebagai agama rasmi⁸ dan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Persekutuan tetapi bahasa Inggeris dibenarkan digunakan sehingga 10 tahun selepas kemerdekaan.⁹ Bagi mengisi kekosongan falsafah sosial ini, Yang Dipertuan Agung dalam tahun 1970 telah memperisytiharkan Prinsip Rukun Negara sebagai pelengkap kepada Perlembagaan dan menjadi asas bagi rakyat Malaysia dalam usaha mereka mencapai pembangunan dan perpaduan.¹⁰

Sebab itulah, berbeza dengan Indonesia yang dasar pembangunannya digariskan dalam UUD 1945, dasar pembangunan Malaysia digariskan dalam rancangan-rancangan pembangunan jangka panjang kerajaan, iaitu rancangan-rancangan sosio-ekonomi lima tahun yang diperkenalkan sejak tahun 1970. Pada tahun 1991 semasa pembentangan rancangan Malaysia keenam (1991-1995) Kerajaan Malaysia mengisytiharkan Wawasan 2020, bermatlamat menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian dan negara maju dari aspek sama ada ekonomi, politik, keagamaan, psikologi dan kebudayaan, menjelang tahun 2020.¹¹

Perkataan *pembangunan*, secara umumnya sering ditafsirkan secara sempit sebagai pembangunan ekonomi semata-mata. Misalnya, dalam agenda pembangunan Asia Pasifik, ia hanya merujuk kepada proses industrialisasi semata-mata. Dalam konteks negara-negara Asia, pembangunan sebenarnya mempunyai makna yang lebih luas. Ia merangkumi proses perubahan ke atas keseluruhan aktiviti kehidupan manusia, iaitu ekonomi, politik, sosial, dan kebudayaan. Seperti kata Dr Muthiah Alagappa dari East-West Center dalam membincangkan matlamat mempromosi demokrasi,

*"fokusnya perlulah di halakan ke arah mempromosi pembangunan sosio-ekonomi, memperkasakan masyarakat sivil (madani), dan membina institusi politik."*¹²

Menurut pendapat ahli-ahli sains sosial, setiap negara atau masyarakat yang mengalami transformasi pembangunan, perlu melalui tiga tahap: (1) *Perpaduan nasional*, (2) *perindustrian*, dan (3) *kebajikan sosial*.¹³ Pada umumnya diiktiraf bahawa, pada setiap tahap pembangunan tersebut, perundangan (legislature), mahkamah, dan para peguam memainkan peranan penting bagi menyesuaikan dan memudahkan perubahan yang berlaku.

Dalam konteks negara maju seperti Amerika Syarikat, tahap proses pembangunan itu berlaku secara berurutan dan berterusan. Setiap tahap

pembangunan dibina di atas kemantapan fasa terdahulu yang kemudiannya secara radikal mengubah dan kadangkala memansuhkan fasa terdahulu itu bersekali dengan nilai-nilai yang mendokongnya. Manakala, dalam kes negara-negara sedang membangun, mereka berpendapat bahawa ketiga-tiga tahap tersebut - *perpaduan, perindustrian dan kebajikan sosial* - merupakan matlamat penting yang sama beratnya, dan perlu diusahakan secara serentak.¹⁴

Dalam konteks Barat, proses undang-undang dan pembangunan dalam perkembangan tiga tahap tersebut sebenarnya merujuk kepada pembangunan dalam sistem ekonomi pasaran. Undang-undang memainkan peranan sebagai mekanisme pentadbiran dalam pembangunan nasional, bermatlamat mewujudkan satu sistem transaksi perdagangan yang stabil dan boleh diramalkan dalam satu sistem yang tersirat iaitu, ekonomi kapitalis liberal.¹⁵ Pendekatan pembangunan sebegini di asaskan kepada peri pentingnya peranan industrialisasi dan pertumbuhan ekonomi dalam mengerakkan pembangunan nasional.¹⁶

Oleh kerana negara-negara membangun menuju pembangunan secara selari bagi ketiga-tiga tahap tersebut, bantuan undang-undang diperlukan bagi mempromosikan bukan sahaja sistem pasaran, tetapi juga pembangunan politik, seperti demokrasi berpenyertaan, dan kepada usaha-usaha pembangunan yang lebih bersifat kemanusiaan yang di asaskan kepada acuan, keperluan dan budaya sendiri. Tradisi undang-undang mestilah dapat mewujudkan undang-undang, peguam dan institusi yang diarahkan bagi mencapai perpaduan nasional dan integrasi nasional; menghasilkan pakar-pakar dalam mempromosi perindustrian dan pertumbuhan perdagangan, dan; golongan yang berfungsi untuk mengalakkan keadilan sosial, kebajikan manusia, dan pengagihan hak, keistimewaan, tanggungjawab, dan tugas secara adil dan saksama.¹⁷

Sebab itulah walaupun tajuk artikel ini menyentuh peranan dan refleksi undang-undang terhadap pembangunan dalam era globalisasi, yang terasnya adalah industrialisasi dan pasaran bebas. Penulis merasakan adalah tidak wajar untuk dibincangkan industrialisasi tanpa merujuk kepada tahap 'perpaduan nasional' dan 'kebajikan sosial', yang merupakan matlamat seiring yang ingin dicapai oleh agenda pembangunan secara keseluruhannya. Mencapai industrialisasi semata-mata untuk kemajuan kebendaan tanpa mengambil kira kemajuan politik dan kesejahteraan masyarakat keseluruhannya merupakan satu matlamat pembangunan yang cetek.

Bahkan proses industrialisasi sendiri akan pincang jika keadaan politik tidak stabil. Adalah juga tidak wajar jika demi mencapai tahap industrialisasi bagi menjamin kesejahteraan hidup generasi akan datang, kesejahteraan hidup masyarakat sekarang di korbakan. Dalam ertikata lain, masyarakat membangun sedang mengalami revolusi politik, industrialisasi dan sosial sekali gus.

Undang-Undang Antarabangsa dan Pembangunan: Warisan British ke atas negara-negara Komonwealth, termasuk Malaysia, menambah kepada kesukaran mensintesis undang-undang dengan pembangunan. Konsep para peguam sebagai 'social engineer' tidak pernah menjadi penting dalam tradisi undang-undang di Britian.¹⁸ Sebab itulah apabila timbul aliran pemikiran *undang-undang antarabangsa dan pembangunan* di Eropah bermula di Perancis dan Belanda, ia kurang mendapat simpati daripada tradisi 'common law'.¹⁹

Penulisan awal mengenai “undang-undang antarabangsa dan pembangunan” lebih bersifat retorika dan meliputi isu-isu yang luas - iaitu pandangan dunia ketiga mengenai kedaulatan ke atas sumber semulajadi, hak untuk mendapat bantuan pembangunan dan kepada keutamaan tarif secara tidak betimbal balas, dan tanggung jawab bekerjasama untuk pembangunan - dalam konteks sistem Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.²⁰ Kupasan yang lebih komprehensif mengenai teori dan aspek teknikal undang-undang antarabangsa dan pembangunan telah dilakukan di Peranchis, ia meliputi perkara-perkara seperti perbezaan budaya, jurang pembangunan antara negara maju dan negara membangun, masalah organisasi trans-nasional, pemindahan teknologi, perjanjian komoditi, kewangan antarabangsa, dan perdagangan antarabangsa.²¹

Perisytiharan Hak Kepada Pembangunan oleh Perhimpunan Agung PBB dalam tahun 1986, mentakrifkan “pembangunan” sebagai satu proses yang komprehensif melibatkan kegiatan-kegiatan ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik, ditujukan kepada usaha-usaha mempertingkatkan kesejahteraan seluruh penduduk dan kesemua individu atas asas penyertaan mereka yang aktif, bebas dan bermakna dalam pembangunan, dan dalam pengagihan faedah yang adil yang terhasil daripadanya.²² Takrifan ini dibuat atas kesedaran bahawa telah berlaku kegagalan dalam polisi-polisi pembangunan negara dan antarabangsa yang buktinya jelas bahawa kemiskinan semakin menular di kalangan manusia sedangkan pemusatan kekayaan kepada segelintir mereka semakin meningkat.

Pergerakan bagi membela dan memperbaiki agenda pembangunan dunia membangun dalam aspek hubungan antarabangsa bermula di tahun-tahun 1970an, apabila negara-negara dunia ketiga cuba mengubah undang-undang mengenai tanggungjawab negara di PBB bagi diluaskan kepada usaha memulihkan kesan kolonialisme melalui tekanan undang-undang dan diplomasi. Justeru itu “undang-undang antarabangsa dan pembangunan” adalah merujuk kepada satu struktur undang-undang yang sedang berkembang berkaitan dengan cadangan ke atas Tata Ekonomi Dunia Baru (NIEO). Undang-undang pembangunan itu menggariskan cara utama bagaimana usaha-usaha ke arah NIEO itu boleh dicapai.²³ Ia adalah alat untuk mentransformasi hubungan ekonomi dan undang-undang antarabangsa bermatlamat untuk mempromosi kesaksamaan (equity) dan memberi pampasan kepada dunia membangun kerana tekanan dan eksploitasi penjajahan.

Selepas satu usaha selama sepuluh tahun bagi menderafkannya, akhirnya Perisytiharan mengenai Hak Kepada Pembangunan telah di terima oleh Perhimpunan Agung PBB melalui undian dalam tahun 1986.²⁴ Dalam tahun 1993, Persidangan Dunia Mengenai Hak Asasi Manusia secara konsensus mempertegaskan sekali lagi bahawa Hak Kepada Pembangunan adalah sebahagian penting daripada hak asasi manusia dan kebebasan asasi.²⁵

Matlamat pembangunan bukan sahaja bersifat ekonomi dan kecekapan kewangan dan perubahan dalam indikator ekonomi makro seperti hasil kasar dalam negara, imbalan perdagangan dan imbalan pembayaran. Secara khusus, matlamat proses yang rumit ini, adalah mengajak kepada penglibatan aktif penduduk secara keseluruhannya, untuk mempromosi perubahan sosial yang berpusat kepada manusia, yang akan menghasilkan satu sistem pengeluaran yang

dikawal secara demokrasi dan dicipta bagi memuaskan keperluan fizikal dan sosial manusia. Kemajuan yang dihasratkan ini mesti boleh diukur dalam ertikata keadilan sosial, kesaksamaan, kesejahteraan dan penghormatan ke atas kemuliaan asasi kesemua individu, kumpulan masyarakat dan manusia.²⁶

Walaupun kandungan aspek undang-undang ini masih berkembang, berdasarkan kepada teks-teks bilateral dan multilateral, perisytiharan dan resolusi PBB, dan juga amalan aktor utama dalam pembangunan, beberapa norma undang-undang antarabangsa dan pembangunan dapat disimpulkan di sini. Ia termasuklah:

1. Tanggungjawab negara untuk bekerjasama bagi mencapai kesejahteraan sejagat.²⁷
2. Prinsip layanan keutamaan (preferential treatment) untuk negara-negara membangun.
3. Prinsip hak negara-negara membangun terhadap bantuan pembangunan ke arah memenuhi keperluan asas.
4. Kedaulatan ekonomi ke atas sumber-sumber semulajadi.
5. Hak kepada pembangunan kini menjadi satu hak asasi manusia yang diiktiraf.
6. Hak-hak sivil dan politik disatukan dengan hak-hak ekonomi, sosial dan kebudayaan dilihat sebagai hak asasi manusia yang menyeluruh.
7. Demokrasi sebagai satu hak asasi manusia.
8. Pemeliharaan alam sekitar bagi menjamin pembangunan yang berterusan.

Usaha-usaha pembangunan antarabangsa ini diasaskan di atas hujah bahawa perlu adanya satu sistem yang lebih saksama, tetapi dalam diplomasi antarabangsa ia telah bertukar menjadi cabaran dan persaingan 80 peratus masyarakat dunia ke atas masyarakat perindustrian Barat. Dunia membangun menghujahkan bahawa jika undang-undang antarabangsa ingin kekal berkesan dalam mengatur masyarakat antarabangsa ia mestilah bertukar untuk disesuaikan dengan realiti sosial masyarakat antarabangsa.

Walaupun begitu kerana sistem undang-undang, hubungan ekonomi dan pembangunan dunia di asaskan dan dikawal oleh dunia maju maka sistem yang berasaskan kepada hegemoni ekonomi itu telah mengalihkan perhatian dunia ke arah usaha-usaha meliberalisasi ekonomi dunia di bawah sistem GATT tidak kepada pencapaian NIEO atau memenuhi citarasa dunia membangun. Ini adalah kerana arah ekonomi dunia sentiasa ditentukan oleh sekumpulan negara minoriti yang mengawal sebahagian besar hubungan komersial dan perdagangan dalam sistem tersebut. Kawalan Barat atas sektor ekonomi ini berdasarkan kepada kefahaman mereka bahawa pertumbuhan ekonomi merupakan asas atau jentera utama kepada pembangunan.²⁸

Dalam usaha-usaha meliberalisasi sistem ekonomi dunia, perhatian dan tenaga masyarakat dunia tertumpu kepada siri-siri perundingan GATT²⁹ terutama siri Uruguay yang bermula pada tahun 1986, yang akhirnya pada tahun 1994 melahirkan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari

1995.³⁰ Dunia membangun tidak ada pilihan lain, tetapi dibawa bersama dalam arus perdana dunia yang berlaku walaupun berlawanan dengan harapan dan hasrat yang mereka cita-citakan.

'*Perdagangan bebas*'- Usaha-usaha meliberalisasi perdagangan yang dimulakan selepas Perang Dunia kedua telah cuba mengurangkan langkah-langkah perlindungan perdagangan yang diamalkan oleh kebanyakan negara sebelum itu. Perundingan pengurangan tarif dimulakan oleh 23 negara pengasas GATT pada tahun 1946 dan siri-siri perundingan di bawah GATT ini berlangsung sehingga tahun 1993. Proses perundingan selama 47 tahun ini tidak dapat dinafikan telah berjaya meliberalisasikan kebanyakan bidang perdagangan dunia. Penurunan tarif yang berterusan telah berjaya meningkatkan kadar perdagangan dunia kepada lebih kurang 8 peratus setahun di tahun-tahun 1950 dan 1960an.

Tetapi kesan kemelesetan ekonomi di tahun-tahun 1980an mengakibatkan negara-negara memperkenalkan cara perlindungan baru ke atas sektor yang menghadapi saingan luar. Akibatnya perdagangan dunia menjadi lebih kompleks; ditambah pula dengan proses globalisasi ekonomi yang berlaku akibat perubahan teknologi terutamanya dalam sistem maklumat dan perhubungan. Pelaburan antarabangsa juga di masa itu berkembang dengan pesat. Bahkan sistem penyelesaian pertikaian perdagangan dalam GATT juga dipertikaikan. Dengan alasan-alasan di atas ahli-ahli dalam perundingan GATT akhirnya bersetuju untuk membincangkan masalah ini secara komprehensif dalam Siri Perundingan Uruguay yang tamat pada tahun 1993. Siri perundingan ini akhirnya telah bersetuju menubuhkan satu institusi tetap sebagai forum perundingan perdagangan antara negara menggantikan GATT, iaitu WTO.

WTO merupakan satu sistem perhubungan perdagangan yang bersifat multilateral dan plurilateral. Ia dianggap sebagai sebuah institusi 'perdagangan bebas' dalam erti kata sebagai satu sistem peraturan bermatlamat untuk mempromosikan persaingan terbuka, adil dan tidak diputar-belitkan (undistorted). Ia sebenarnya bukan institusi yang mempromosi perdagangan terbuka tanpa kawalan, kerana tarif dan perlindungan berbentuk lain dibenarkan dalam keadaan tertentu. Ia lebih menumpukan kepada mempromosi polisi dan peraturan perdagangan tanpa diskriminasi, polisi yang merangsangkan perdagangan, pelaburan, pemewujudan peluang pekerjaan, dan harga barangan dan perkhidmatan yang rendah. Ini dapat dicapai dengan mewujudkan suasana yang menggalakkan dan boleh dijangkakan (predictable), melalui penggalakkan reformasi ekonomi. Dalam rangka pembangunan dan reformasi ekonomi, negara-negara membangun dan miskin diberi kelonggaran dalam melaksanakan perjanjian-perjanjian dalam WTO, dan mereka juga digalakkan supaya lebih berhati-hati dalam langkah memperkenalkan polisi orientasi pasaran terbuka.³¹

WTO juga tidak menghalang aturan-aturan kerjasama ekonomi dan perdagangan serantau. Dari segi amalan, kesatuan-kesatuan serantau cuba menyelaraskan kedudukan dan pandangan ahli-ahlinya dalam WTO. Dalam rangka menuju ke arah tercapainya AFTA, negara-negara ASEAN pada tahap-tahap tertentu telah berjaya menyelaraskan kepentingan ekonomi mereka. Akibat daripada itu dalam banyak keadaan mereka telah berjaya menkoordinasi kedudukan mereka

dalam WTO dan bercakap dalam satu suara. Kajian dan kerjasama yang berterusan di masa hadapan di rasakan akan memperkukuhkan lagi pencapaian dan matlamat bersama negara-negara ASEAN itu.

PERANAN DAN KEPERLUAN UNDANG-UNDANG DALAM PEMBANGUNAN

Pada sudut undang-undang, usaha-usaha membawa pembangunan menyeluruh dalam sesebuah negara memerlukan kepada kewujudan beberapa perkara seperti yang dinyatakan di bawah ini:

1). Sistem Pemerintah Yang Bertanggungjawab Kepada Pembangunan.

Pembentukan negara bangsa di kalangan negara-negara membangun mestilah di tujukan ke arah dimensi yang baru. Perpaduan bangsa yang lebih kukuh sebagai keperluan zaman selepas kolonialisme, hendaklah di asaskan di atas bukan sahaja persetujuan pihak-pihak yang terlibat dalam gerakan kemerdekaan, tetapi juga perlu diselaraskan dengan sensitiviti dan nilai masyarakat sekarang dan masa depan.³² Masyarakat memerlukan nilai dan taat setia yang dapat mengikat mereka bersama dalam satu negara bangsa dan sebagai sahabat dalam kerjasama. Dalam konteks Asia, apa yang dikatakan sebagai "nilai-nilai asia" boleh menyediakan sebahagian daripada jawapan kepada masalah ini.

Meninjau asal usul pemerintah dan menjawab persoalan mengapa manusia sanggup mengorbankan kebebasan, keseronokan dan hubungan peribadi yang datuk nenek mereka telah nikmati untuk meletakkan diri mereka di bawah satu pemerintahan merupakan persoalan sejarah dan antropologi yang panjang. Secara ringkasnya menurut penemuan antropologi, manusia tidak memilih tetapi telah secara tidak sedar terpaksa menerima pemerintahan bernegara. Ini adalah kerana pembentukan sesebuah negara mungkin mengambil masa yang lama, dan manusia yang mengalami proses itu pada sesuatu masa jarang sekali dapat menjangkakan tentang kemungkinan berlakunya perubahan. Generasi kemudian tiba-tiba mendapati diri mereka perlu bergantung kepada sistem kerajaan yang mengambil beberapa generasi untuk terbentuk.³³

Tetapi pada hari ini teori dan dasar pemerintahan telah berubah. Dalam banyak keadaan pembentukan masyarakat dan sistem pemerintahan berlaku secara aman. Pemerintah pula dilantik daripada rakyat dan bertanggung jawab kepada rakyat. Dalam sistem pemerintahan moden undang-undang memainkan peranan yang amat penting. Undang-undang dapat memastikan pembangunan politik menuju ke arah pembentukan sebuah kerajaan yang plural dan demokratik. Undang-undang adalah penghalang kepada tingkah laku dan penggunaan kuasa negara secara sewenang-wenang. Dalam konteks ini, undang-undang merupakan satu teknik kawalan ke atas negara untuk dikuatkuasakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan, terikat kepada satu-satu nilai, misalnya keadilan, ketelusan dan sebagainya.

Walau pun mana-mana sistem kerajaan yang tegak berdasarkan kepada pemilihan rakyat dikenali sebagai demokrasi, demokrasi ini boleh mengambil

belbagai bentuk, sama ada sistem liberal demokrasi atau demokrasi yang memperjuangkan nilai-nilai masyarakat tertentu. Ini di tegaskan sendiri oleh National Endowment for Democracy (NED), sebuah pertubuhan mempromosi demokrasi yang dibiayai oleh Kongres Amerika, apabila ia menyatakan bahawa, demokrasi tidak semestinya cara Amerika, demokrasi perlu disesuaikan dengan keperluan dan budaya masyarakat.³⁴

Peranan sesebuah pemerintahan atau kerajaan adalah untuk memandu negara ke arah matlamat yang ditetapkan, iaitu, pembangunan.³⁵ Pemerintahan yang demokratik akan menjamin bahawa para pemimpin akan lebih sensitif kepada pembangunan negara dan tidak hanya mementingkan kepentingan kekuasaan mereka sahaja. Dengan adanya sistem 'check and balance' dan 'kedaulatan undang-undang' maka fungsi-fungsi organ pemerintahan dapat melaksanakan tanggung jawab mereka seperti mana yang diharapkan. Ia akan menghasilkan kestabilan politik yang perlu bagi merangsang pembangunan dengan mengalakkan perpaduan negara, kerjasama serantau dan sejagat, proses perindustrian dan keadilan sosial.

2). Mempertingkatkan Sensitiviti Kehakiman dan Perundangan Kepada Kehendak Pembangunan

Bagi mewujudkan satu suasana yang membantu ke arah pembangunan, kepekaan para peguam, hakim dan penggubal undang-undang mengenai nilai-nilai perpaduan nasional, pertumbuhan ekonomi dan keadilan sosial, yang saling bersaing itu perlulah dipertajamkan. Jika kesemua matlamat ini hendak diusahakan secara selari, mestilah terdapat segolongan para peguam yang mempunyai kemahiran mengenai kesemua aspek tersebut, dan manakala para peguam yang mempunyai kemahiran mengenai salah satu daripadanya, mestilah juga berasa mudah dengan konsep, maklumat dan data mengenai dua bidang yang lainnya.

Hipotesis ini mencadangkan bahawa perlulah wujud tiga pengkhususan dalam tradisi pendidikan undang-undang, dan juga satu aliran yang menggunakan satu pendekatan umum secara inter-disiplinari. Di Malaysia sistem pengajian undang-undang sebegini belum lagi wujud kerana tradisi pendidikan ala-Inggeris masih terpahat kukuh dalam profesyen undang-undang. Berbeza dengan Thailand dan Indonesia yang dipengaruhi sistem pendidikan undang-undang Amerika Syarikat, pendekatan undang-undang secara inter-disiplinari telah mendapat perhatian yang positif.³⁶

Sudah sampai masanya, di Malaysia dilakukan penilaian semula mengenai keberkesanan pengajian undang-undang. Ia bertujuan bagi menghasilkan ahli-ahli undang-undang yang lebih peka kepada keperluan pembangunan masa kini dan masa depan. Operasi dan kesan undang-undang antarabangsa telah menembusi ruang lingkup negara maka dirasakan sudah sampai masanya subjek-subjek undang-undang antarabangsa diajarkan secara lebih meluas. Sekurang-kurangnya subjek undang-undang antarabangsa awam itu dijadikan mata kuliah wajib di fakulti-fakulti undang-undang, seperti mana di kebanyakan negara Eropah dan setengah negara Afrika dan Asia.

Usaha-usaha mengenegahkan konsep undang-undang 'home grown' atau 'Malaysian common law' juga masih pada peringkat awal. Jawatankuasa yang ditubuhkan bagi menangani isu ini masih belum menampakkan hasil yang diharapkan. Di kalangan para hakim, yang kebanyakannya dilatih di England, sedikit sangat yang berani menampilkan pemikiran undang-undang 'home grown' ini, sungguh pun pada akhir-akhir ini ada yang mula memperlihatkan kecenderungan tersebut, walau pun hanya di peringkat Mahkamah Tinggi.³⁷

Manakala di kalangan para penggubal undang-undang (wakil-wakil parlimen) adalah disyaki sama ada kebanyakannya daripada mereka mempunyai sensitiviti seperti yang diharapkan. Kelihatan kebanyakannya dasar-dasar kerajaan terhasil dari pemikiran tunggal kepimpinan melalui imput-imput agensi penyelidikan yang ditubuhkan, seperti EPU, MIER, ISIS, IKD dan IKIM, yang berperanan menganalisa dan merangka polisi-polisi yang dianggap menjadi aspirasi rakyat. Tanpa penghayatan pihak-pihak penggubal undang-undang yang juga dalam banyak keadaan adalah pelaksana dasar-dasar yang digubal, maka keberkesanan polisi-polisi tersebut tidaklah dapat dijamin.

Seperti kata hakim Holmes, jika terdapat satu justifikasi bagi kedaulatan undang-undang, ia mestilah membantu ke arah menghasilkan matlamat sosial seperti mana yang dicita-citakan. Oleh itu amat lah penting bagi pihak-pihak yang membentuk dan melaksanakan undang-undang mempunyai matlamat tersebut tersemat di dalam kepala mereka.³⁸ Cara bagaimana para penggubal undang-undang, para peguam dan institusi undang-undang mengerakkan pembangunan mestilah sentiasa diselaraskan dengan keadaan (sifat) khusus masyarakat, dengan segala kompleksiti yang ada - mengimbangi matlamat dan nilai nasional dengan keperluan dan cabaran globalisasi

Isu-isu mengenai globalisasi dan pasaran bebas mestilah difahami dengan sepenuhnya. Secara umumnya, proses globalisasi banyak berkaitan dengan perdagangan, terutamanya di bawah mekanisme WTO. Banyak pihak memahami bahawa dengan dimaksudkan perdagangan bebas, negara perlu membuka pasarannya sepenuhnya tanpa boleh membuat peraturan sendiri. Fahaman ini adalah salah, sebenarnya apa yang dipromosikan oleh WTO adalah perdagangan tanpa diskriminasi, negara mesti memberi layanan kepada produk luar dan dalaman dengan cara yang saksama.

Walaupun WTO melarang pengenaan kuota, pengenaan tarif masih dibenarkan. Ia biasanya digunakan oleh negara sebagai satu sumber pendapatan dan untuk memberi perlindungan kepada industri tertentu. Sungguhpun begitu, ia hanya boleh digunakan dengan cara yang berdisiplin, misalnya tidak mendiskrimasi antara barangan impot, dan kebanyakannya adalah 'terikat'. Terikat bermaksud bahawa satu kadar tarif bagi produk tertentu yang telah menjadi komitmen ahli WTO tidak boleh dinaikkan tanpa mengadakan perundingan pampasan dengan rakan dagangnya yang lain.³⁹

Dalam banyak keadaan, akibat daripada integrasi ekonomi pada peringkat serantau, sama ada dalam bentuk 'custom union' dan kawasan perdagangan bebas, beberapa kumpulan negara bertindak secara bersama dalam WTO. Dengan diluaskan kerjasama di dalam ASEAN, maka di masa hadapan mereka akan banyak

mengambil pendirian bersama berkaitan dengan kepentingan perdagangan. Walaupun negara-negara ASEAN masing-masing menghadapi masalah ekonomi yang gawat, ini tidak semestinya menjejaskan cita-cita dan komitmen mereka kepada AFTA yang sebenarnya akan memperteguhkan lagi kedudukan ekonomi mereka dalam sistem pasaran dunia. Kerjasama serantau Asia yang lebih luas juga perlu dijadikan satu matlamat perjuangan yang berterusan.

3). Kewujudan 'Kedaulatan undang-undang'.

Proses membuat keputusan dan operasi institusi undang-undang dalam mengatur dan menyelesaikan pertikaian amat penting dalam usaha-usaha pembangunan. Untuk kesemua perkara-perkara ini dapat dicapai peranan kerajaan amat utama. Perkara-perkara ini tidak dapat tidak menarik kita kepada pembangunan dan rangsangan institusional, yang secara amnya merujuk kepada polisi kedaulatan 'undang-undang' (rule of law). Seperti yang dikatakan hakim Holmes, jika terdapat suatu justifikasi untuk kedaulatan undang-undang, ia mestilah, membantu ke arah menghasilkan matlamat sosial seperti mana yang dicitakan.⁴⁰

Tetapi di kebanyakan negara Asia faktor sejarah, sosial dan budaya telah melembabkan peranan dan pengaruh undang-undang. Menurut Scalapino, terdapat dua elemen budaya Asia yang berkaitan dengan peranan undang-undang dalam masyarakat. Masyarakat dipimpin oleh pemerintah bukan oleh kedaulatan undang-undang, dan konsep undang-undang sama ada sebagai satu arahan atau sebagai satu ideal adalah diarahkan sebagai satu matlamat yang setiap orang perlu mencapainya, tetapi bukan sebagai satu arahan yang jelas mengenai tingkah laku yang perlu diinterpretasi secara menyeluruh dan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, dengan mahkamah sebagai pengantara muktamad.⁴¹ Dalam erti kata lain tidak wujudnya 'formal legalism' dalam masyarakat tersebut.

Dalam kenyataan polisi Bank Dunia, dikatakan bahawa "kerajaan dengan undang-undang bukan kerajaan oleh manusia (government of law not government of men) adalah satu asas kewujudan undang-undang yang mesti bagi merangsang pertumbuhan ekonomi. Polisi reformasi ekonomi, menurut Ibrahim Shihata, seorang pegawai kanan Bank Dunia, tidak akan berkesan jika tidak wujud satu sistem yang boleh memastikan bahawa polisi itu dapat ditukar menjadi peraturan-peraturan yang boleh dilaksanakan dan dipastikan kepatuhan ke atasnya. Sistem tersebut mestilah mengandaikan bahawa:

- 1). Terdapat satu set peraturan-peraturan yang telah diketahui terlebih dahulu;
- 2). Peraturan-peraturan tersebut sebenarnya dikuatkuasakan;
- 3). Mekanisme perlu wujud bagi memastikan pelaksanaan peraturan-peraturan tersebut dan membenarkan apa-apa perlencungan daripadanya seperti mana diperlukan tetapi berdasarkan kepada prosedur yang sedia diperkenalkan;

- 4). Konflik yang timbul berkaitan dengan pemakaian peraturan-peraturan tersebut boleh diselesaikan melalui keputusan yang mengikat yang dibuat sama ada oleh sebuah badan kehakiman atau badan timbangtara; dan,
- 5). Terdapat prosedur yang diketahui umum mengenai cara-cara pemindaan peraturan apabila peraturan-peraturan tersebut tidak memenuhi keperluan kewujudannya.⁴²

Menurut Shihata, tanpa sistem yang sedemikian nasib individu dan badan-badan perniagaan terletak semata-mata kepada budibicara individu atau kelompok pemerintah yang berkuasa. Hanya sistem yang memenuhi kriteria di atas sahaja boleh menyediakan 'satu disiplin umum' yang akan memungkinkan reformasi ekonomi dan pembangunan.

Dalam satu kajian lain Frank Upham mendapati, sebenarnya kedaulatan undang-undang bukanlah yang di cari-cari oleh pelabur asing. Faktor utama yang mempengaruhi keputusan pelaburan ialah kestabilan politik dan keadaan ekonomi. Contohnya, kesukaran yang dihadapi oleh syarikat-syarikat multi-nasional di China merujuk kepada perlunya penguatkuasaan undang-undang. Manakala, keadaan di Taiwan, Korea dan Jepun, walaupun tanpa sistem undang-undang yang secara keseluruhan boleh dianggap sebagai formal, pembangunan di negara-negara tersebut masih menakjubkan.⁴³ Jadi adakah kedaulatan undang-undang merupakan satu keperluan pembangunan?

Dalam konteks Malaysia, kewujudan polisi bagi menyokong usaha-usaha pembangunan (perdagangan antarabangsa, promosi eksport, pelaburan dalam dan luar negeri dan layanan terhadap perburuhan) adalah komprehensif, dan ini diakui sendiri oleh Bank Pembangunan Asia.⁴⁴ Kebanyakan polisi-polisi ini juga telah diperkenalkan dalam bentuk undang-undang atau peraturan. Mungkin yang menjadi masalah di Malaysia adalah isu pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang tersebut.

Bagi mewujudkan kestabilan politik dan ekonomi, kedaulatan undang-undang mestilah wujud sekurang-kurangnya pada tahap yang minimal. Jika undang-undang tidak dihiraukan atau dilanggari secara berterusan, pertumbuhan ekonomi akan terbantut. Di Jepun, Taiwan dan Korea Selatan, sungguh pun tidak wujud undang-undang formal yang teguh, nilai-nilai dan budaya hubungan perdagangan yang ada pada masyarakat tersebut mengharmonikan hubungan antara mereka. Tanpa penguatkuasaan undang-undang formal, masyarakat tersebut sudah sedia menghormati amalan dan kebiasaan yang ada.

Dalam konteks Malaysia dirasakan ada empat sebab utama mengapa undang-undang perlu lebih bersifat formal. Ianya adalah seperti berikut:

Pertamanya, kerana wujudnya pelbagai kaum dan pelbagai budaya dan nilai, dan jika tiada peraturan formal, kemungkinan nilai-nilai tersebut akan bertembung. Dengan wujudnya sistem undang-undang dan sistem pelaksanaannya yang formal keharmonian dapat dicapai. Penyalahgunaan kuasa di kalangan pentadbir dan pengurus, serta insiden rasuah juga dapat dibendung.

Keduanya, dalam era globalisasi negara tidak dapat mengelak daripada berinteraksi, sekurang-kurangnya dalam perdagangan dengan masyarakat luar,

dalam satu masyarakat dunia yang luas. Sebagai ahli dalam WTO, Malaysia telah membuat komitmen tertentu dalam hal perdagangan yang kesemuanya perlu dipernyatakan dalam bentuk undang-undang domestik. Misalnya, dalam dasar dan undang-undang mengenai impot dan eksport barangan, termasuklah kastam, imigresyen; pelaburan; perkhidmatan seperti, kewangan dan insuran; harta intelek; percukaian, sekuriti dan sebagainya. Bahkan di bawah WTO ada satu mekanisma yang dipanggil 'Mekanisma Semakan Ke Atas Polisi Dagang' (Trade Policy Review Mechanism) di mana amalan dan polisi perdagangan di semak secara berkala antara 4 ke 6 tahun sekali bagi mempertingkatkan ketelusan dasar dan undang-undang, dan memastikan pelaksanaan ke atas peraturan-peraturan WTO.⁴⁵ Disamping itu apa-apa perubahan mengenai polisi dan undang-undang mengenai sektor-sektor tertentu juga perlu dimaklumkan kepada WTO.

Ketiganya, bagi mengelakkan spekulasi yang melampau. Ini dapat dilihat dalam peranan kerajaan dalam memperkenalkan peraturan mengenai 'short selling' dan 'insider trading' mengenai pasaran saham. Dalam industri hartanah juga dirasakan peraturan yang lebih ketat dan berinovatif perlu diperkenalkan bagi memperteguhkan sektor tersebut di masa akan datang. Negara sebenarnya bukan sahaja menghadapi masalah manipulasi pasaran dan spekulasi oleh anasir luar tetapi juga oleh unsur-unsur dalaman, yang menurut laporan UNDP 1997 merupakan faktor utama yang menyumbang kepada jurang pendapatan yang luas antara miskin dan kaya. Spekulasi juga dikatakan sebagai penyumbang utama kepada kewujudan ekonomi buih (bubble ekonomi).

Dan, *keempatnya*, bagi mengelak berlakunya insiden pemusatan kuasa tidak sah oleh pihak pemerintah yang boleh mengakibatkan berlakunya penyalahgunaan kuasa dan kezaliman. Pemusatan ini mungkin digunakan bagi membendung salah laku dan pemeliharaan kepentingan segolongan masyarakat di atas masa depan, hak dan keadilan masyarakat umum terutamanya golongan miskin dan lemah. Satu sistem pengawasan perlu diadakan kerana dalam sejarah dan budaya kita masyarakat adalah di tadbir oleh pemerintah bukannya oleh kedaulatan undang-undang. Ia juga boleh memastikan tiada perlecehan berlaku dalam komitmen pemerintahan terhadap nilai-nilai asas yang didokong oleh negara dan bangsa. Selain itu, sistem pengasingan kuasa juga perlu dipertahan dan diperkukuhkan melalui penubuhan satu *Majlis Pemelihara Wadah Negara* sebagai satu badan tertinggi yang bertanggung jawab mengawas perjalanan pentadbiran negara oleh badan-badan kerajaan sama ada eksekutif, perundangan dan kehakiman.

4). Inovasi dalam menangani kebajikan sosial

Ahli profesional undang-undang yang berkerja dalam masyarakat yang sedang melaksanakan usaha-usaha pembangunan yang mengabungkan matlamat-matlamat perpaduan bangsa, industrialisasi dan kebajikan sosial secara bersekali, adalah berkecenderungan untuk tunduk kepada tekanan pasaran. Pembangunan berkecenderungan untuk mengutamakan dua matlamat yang awal kerana keduanya amat saling berkait antara satu sama lain, sedangkan matlamat ketiga kadangkala merupakan bebanan kepada proses pembangunan itu sendiri.

Oleh yang demikian, jika matlamat yang ketiga itu hendak dicapai, profesyen undang-undang, kerajaan, dan pihak awam yang berminat, mestilah dengan jelas menetapkan langkah-langkah bagi mengimbangi matlamat keseluruhan pembangunan. Ini dapat dilakukan melalui pendidikan undang-undang dan penubuhan institusi yang berkaitan. Di Malaysia peranan Biro Bantuan Guaman yang disediakan oleh pemerintah, bantuan guaman oleh Majlis Peguam, program-program kerajaan seperti Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) dan projek-projek badan bukan kerajaan seperti Yayasan Pembangunan Islam Malaysia (YAPIM), Yayasan Salam dan sebagainya merupakan langkah-langkah yang sedang dilaksanakan. Peranan dan sumbangan pertubuhan bukan kerajaan sebagai pertubuhan sivil ini perlu diberi penghargaan dan sokongan yang menyeluruh.

Satu perkara yang masih menghantui banyak pihak di Malaysia, ialah kesan pembangunan ekonomi ke atas akhlak masyarakat, sama ada golongan tua atau pun muda. Antara matlamat Wawasan 2020, seperti yang termaktub dalam sembilan cabaran strategik yang perlu diatasi, ialah mewujudkan satu masyarakat yang bermoral dan beretika, supaya rakyat teguh dalam beragama dan memiliki nilai-nilai murni dan darjah etika yang tinggi⁴⁶. Tetapi apa yang dilihat ialah sebaliknya yang berlaku. Sejak awal proses pembangunan, generasi pertama masyarakat yang sedang menuju kemajuan itu sudah berhadapan dengan penyakit sosial dan keruntuhan akhlak yang agak serius.

Berbeza dengan masyarakat Jepun gejala ini hanya menimpa generasi kedua sahaja. Ini mungkin kerana di negara kita, walau pun dinyatakan bahawa pengukuhan akhlak adalah sebahagian daripada matlamat pembangunan, tiada program dan langkah konkrit disediakan bagi membolehkan perkara itu tercapai. Slogan "kita membangun berdasarkan kepada acuan kita" tidak akan bermakna jika acuan tidak dibentuk, tetapi hanya kualiti yang lebar digunakan, maka terhasil lah nilai 'lempeng' (pan cake) yang boleh ditemui di mana-mana sahaja.

5). Peka Mengenai Peranan Undang-Undang Antarabangsa Dalam Pembangunan.

Sejak diwujudkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) pada tahun 1945, satu rangkaian hubungan antara negara-negara dalam satu masyarakat sejagat telah terbentuk buat pertama kalinya dalam sejarah manusia moden. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) sudah pun berusia setengah abad, dan peranannya dalam menghadapi alaf ketiga ini menjadi makin mencabar. Dalam tahun-tahun yang akhir ini, ekspresi 'masyarakat dunia' dapat ditemui bukan sahaja dalam dokumen politik bahkan juga dalam dokumen-dokumen undang-undang.

Walaupun sistem undang-undang antarabangsa tidak mempunyai satu sistem 'legislatif' antarabangsa yang kuasa mengikat, atau satu pasukan penguatkuasa keamanan antarabangsa, atau pun satu sistem adjudikasi wajib oleh pihak ketiga, secara umumnya kebanyakan negara dunia mematuhi undang-undang antarabangsa. Ini adalah kerana sebenarnya keberkesanan apa-apa sistem undang-undang amatlah bergantung kepada sokongan dan semangat masyarakat yang ia ingin aturkan, bukan semata-mata kepada ancaman hukuman yang ia miliki.

Sebahagian besar negara di bawah payung PBB menghormati undang-undang antarabangsa, walau pun mungkin hanya kerana menjaga kepentingan sendiri. Sungguhpun, kadangkala mereka tidak akur dengan keperluan undang-undang antarabangsa, mereka akan cuba menjustifikasi tingkah laku atau ketinggalan mereka dengan mengengahkan hujah undang-undang. Walaupun kadangkala dengan mereka-reka atau membuat helah, mereka akan sedaya upaya mengelak daripada mengakui secara terbuka yang mereka melanggar atau membuat ketinggalan ke atas undang-undang antarabangsa.

Idealisme undang-undang antarabangsa: Undang-undang antarabangsa hari ini sepatutnya diasaskan di atas konsep keperluan dan ketinggian moral masyarakat antarabangsa. Pendekatan ini mestilah digunakan oleh semua negara bagi menuju ke arah di capainya keamanan, keselamatan, dan pembangunan dunia dalam aspek politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, sains dan teknologi. Masyarakat dunia mestilah mencari satu cara yang moden dan sesuai bagi mengatur sistem antarabangsa, iaitu dengan menggunakan undang-undang antarabangsa secara lebih berkesan. Hanya apabila manusia berjaya membentuk satu masyarakat dunia yang bersatu barulah mereka akan berupaya memperjuangkan kewujudan mereka.⁴⁷

Undang-Undang Antarabangsa Dari segi Amalan: Keberkesanan undang-undang antarabangsa dari segi amalan negara berbeza menurut bidang dan keadaan di mana ia berperanan. Sungguh pun peranannya agak terhad dalam bidang keamanan dan keselamatan, keberkesananannya agak besar dalam mengatur hubungan antarabangsa, dan, dalam sistem pertukaran dan perhubungan di bidang-bidang perdagangan, kewangan, sains, tenaga, kesenian dan sebagainya.

Perubahan dan tuntutan perubahan yang sedang berlaku ke atas mekanisme pentadbiran (governance) antarabangsa, memperlihatkan kepada kita keperluan yang bertambah terhadap satu sistem yang lebih berperaturan. Peraturan yang tidak mencukupi boleh membawa manusia sejagat menemui kehancuran. Seperti kata seorang sarjana undang-undang antarabangsa, "tidak pernah berlaku dalam sejarah, bahawa keperluan masyarakat antarabangsa kepada peraturan sebegitu penting seperti hari ini."⁴⁸ Negara-negara kini mulai menyedari bahawa mekanisme dan operasi undang-undang antarabangsa perlu diperbaiki. Ini terbukti apabila krisis mata wang negara-negara Asia menjadi semakin meruncing dan merebak ke rantau lain.

Sebelum ini masyarakat antarabangsa menerima alasan mudah bahawa keruntuhan ekonomi setengah negara Asia adalah diakibatkan oleh lemahnya fundamental ekonomi domestik mereka. Tetapi setelah masalah ini menular ke negara-negara seperti Taiwan dan Korea, telah diyakini bahawa masalah mata wang ini menyangkut kepada alasan yang lebih mendalam daripada itu, iaitu kurang dan longgarnya peraturan tentang perdagangan mata wang merupakan punca utama masalah yang sedang dihadapi.

Dengan perubahan yang berlaku, negara-negara perlulah sedar bahawa dalam merangka dasar pembangunan mereka, aspek undang-undang antarabangsa perlulah diambil kira. Mereka perlu mengenal pasti apakah keperluan dan persediaan penting yang perlu dibuat dalam aspek undang-undang tersebut bagi menjamin kejayaan dan kesinambungan pembangunan rakyat dan negara sama ada di aspek politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Undang-Undang Antarabangsa Dalam Diplomasi Antarabangsa: Walau pun tidak boleh dikatakan bahawa peranannya tidak penting, peranan undang-undang antarabangsa dalam bidang diplomasi antarabangsa amatlah terbatas. Dalam kes-kes di mana undang-undang selari dengan kepentingan kuasa politik dunia, undang-undang menjadi faktor penentu - seperti mana yang dapat dilihat dalam Perang Teluk yang baru lalu.⁴⁹

Dalam kes-kes yang lain, di mana undang-undang tidak selari dengan kepentingan dan kehendak pihak-pihak tertentu, peranan undang-undang antarabangsa tinggal sebagai kekangan (restraint) semata-mata. Ia hanya berupaya meletakkan beberapa halangan ke atas penyalahgunaan oleh pihak kuasa besar dan menyediakan bagi pihak yang lemah dengan hujah-hujah untuk mengukuhkan kedudukan mereka. Ia juga memberi peluang kepada pihak ketiga, yang tidak secara langsung terlibat dengan isu yang jadi persoalan, menyatakan sokongan mereka, itu pun kalau ianya tidak menjejaskan kepentingan ekonomi dan politik mereka.

Kemanusiaan dalam menghampiri alaf ketiga sedang menghadapi cabaran besar yang penuh dengan peluang dan perangkap dalam pelaksanaan undang-undang antarabangsa sama ada dalam bidang politik, ekonomi dan pembangunan. Dengan wujudnya kesatuan di kalangan ahli-ahli tetap dalam Majlis Keselamatan PBB selepas tamatnya Perang Dingin beberapa masalah yang menghantui masyarakat dunia dapat diselesaikan. Isu-isu Perang Teluk, masalah Aparteid, dan keamanan di Asia Barat mula menampakkan bunga. Tetapi kesatuan ini juga telah memburukkan beberapa masalah baru seperti persengketaan etnik, agama dan rentetan masalah lain di Yugoslavia, Kosovo, Rwanda, di bekas negara Soviet Union, sekatan ke atas Libya dan pengeboman ke atas Sudan dan Afghanistan.

Persoalan yang menghantui boleh dikatakan kesemua peguam-peguam antarabangsa ialah, adakah undang-undang antarabangsa berupaya memperoleh makna dan kepimpinan yang sesuai dalam tata baru antarabangsa (New World Order)? Apakah ia berupaya direalisasikan tidak sebagai arahan sewenang-wenangnya negara Kuasa Besar, tetapi berdasarkan konsep keadilan saksama untuk semua? Adakah PBB pula akan memperoleh sokongan politik dan juga kewangan dalam merangka aktivitinya bagi menghadapi cabaran pengamanan, 'peacemaking dan peace building', dan mempromosi pembangunan berterusan (sustainable)? Adakah pertikaian antarabangsa akan terus dapat diselesaikan secara aman atau kita akan melihat lebih banyak kegunaan 'undang-undang hutan'? Dan, adakah di masa depan kita akan melihat lebih banyak konvensyen penting antarabangsa diterima secara lebih menyeluruh, dan rujukan kepada tribunal bebas seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa menjadi amalan kebiasaan tidak sebagai kekecualian?

Persoalan-persoalan ini perlu dibincang dan difikirkan dengan lebih meluas dan mendalam di negara-negara membangun, tidak kira sama ada di pengajian tinggi, di kalangan ahli-ahli politik, birokrat, hakim, peguam, ahli ekonomi, ahli sains sosial lain, saintis dan teknologis. Dunia hari ini telah menjadi seakan-akan sebuah kampung dan manusia berinteraksi secara lebih meluas dan dengan lebih pantas. Apa yang berlaku di satu sudut dunia kini tidak boleh diabaikan oleh mana-

mana ahli masyarakat antarabangsa lain, kerana ia lambat laun akan memberi kesan kepada semua negara, sama ada dari segi politik, ekonomi, sosial atau kebudayaan. Langkah-langkah dan strategi bagi penglibatan yang lebih berkesan dalam arena antarabangsa perlulah dirangka dan dibuat penilaian sepanjang masa.

Bagi mencapai keadilan sejagat, masyarakat antarabangsa perlulah memastikan bahawa tatacara undang-undang antarabangsa perlulah diasaskan kepada prinsip 'ketinggian undang-undang antarabangsa' (supremacy of international law). Prinsip-prinsip undang-undang antarabangsa mestilah dihormati. Pelaksanaan undang-undang secara unilateral dan bersifat 'extra-territorial' mestilah dielakkan.⁵⁰ Jika ini ingin dicapai, formula yang paling baik dirasakan ialah satu langkah yang ideal tetapi dilengkapi dengan kefahaman realiti. Sering disebut bahawa politik adalah satu seni kemungkinan (art of possible), dan ia adalah juga benar mengenai undang-undang antarabangsa.

Kita mestilah berusaha mencapai sesuatu yang ideal, tetapi dalam proses tersebut kita mestilah juga sedia berkompromi atas dasar melihat apa yang mungkin dapat dicapai, berdasarkan kepada kedudukan masa itu. Kerana hukuman kepada ketegasan untuk mencapai sesuatu yang ideal, memungkinkan kita tidak mencapai suatu apa pun.⁵¹ Mungkin doa ahli-ahli agama dahulu yang berbunyi, 'ya Tuhan, berikan lah aku kekuatan untuk merubah perkara-perkara yang dapat diubah, ketenangan untuk menerima keadaan-keadaan yang tidak dapat diubah dan kefahaman untuk mengetahui perbezaan di antara keduanya,' boleh menjadi pendoman untuk kita.

KESIMPULAN

Secara umumnya, walaupun undang-undang merupakan antara faktor terpenting dalam proses pembangunan negara, ia bukanlah satu-satunya faktor penentu. Faktor-faktor ekonomi, seperti kewujudan sumber-sumber, wujudnya sumber manusia, kestabilan politik dan wujudnya budaya positif kepada pembangunan juga merupakan faktor utama. Tetapi tanpa wujudnya satu sistem undang-undang yang kukuh dan sempurna, walaupun segalanya ada, maka pembangunan akan menjadi sukar.

Dalam era globalisasi, cabaran undang-undang dan pembangunan menjadi lebih serius. Di akhir-akhir alaf kedua ini, globalisasi terutama dalam aspek ekonomi dan kewangan memperlihatkan realiti yang berat dan kompleks. Ia merupakan satu proses yang tidak dapat diundur ke belakang, walaupun ia mewujudkan pelbagai peluang baru, ia juga mempunyai risikonya sendiri. Contohnya, globalisasi ini secara tidak langsung telah mengakibatkan munculnya kuasa-kuasa baru di pentas antarabangsa, yang mana tindakannya menjangkau batasan struktur negara. Keputusan mengenai masa depan negara, bahkan mengenai masa depan dunia dibuat diluar daripada institusi kerajaan. Kelahiran WTO dan PBB itu sendiri merupakan detik terpenting mengenai perkembangan ini.

Realiti, memaksa kita menerima hakikat bahawa dengan runtuhnya empayar Soviet, pentas antarabangsa telah jatuh kepada kekuasaan Amerika Syarikat, yang pada masa ini agak enggan untuk berkongsi dengan PBB. Kepentingan Amerika

perlulah diperhati oleh negara-negara lemah dengan lebih teliti. Dalam aspek bernegara masyarakat Barat terutamanya Amerika Syarikat sentiasa menekan supaya sistem kerajaan demokratik diamalkan. Peliknya, dalam hal hubungan dunia, ini tidak digalakkan, bahkan cuba dipertahankan sistem berbentuk penjajahan seperti 'status quo' dan 'keberatan ekonomi', dalam badan-badan dunia seperti Majlis Keselamatan⁵² dan juga Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).⁵³

Apa yang lebih malang lagi, ialah apabila negara-negara dipaksa menyesuaikan diri dengan era globalisasi ini dengan menerima teknologi bagi mengurangkan kos dan sekaligus kekal menjadi kompetitif. Untuk menjadi maju mereka dianjurkan supaya membuka pasaran, menjalankan proses deregulasi dan desentralisasi dan akhir sekali ke arah penswastaaan segenap sektor perkhidmatan. Ini mengakibatkan, atas nama kecekapan ekonomi, perasaan solidariti menjadi terlerai, penguasaan syarikat asing ke atas sektor ekonomi dan sebahagian negara atau rantau terpinggir dan tercicir di belakang arus pembangunan dan kekal dalam kemiskinan.

Perkara yang amat penting untuk diingati ialah bahawa dunia hari esok akan menjadi lebih kompleks. Tidak boleh dielakkan lagi bahawa para pemimpin perlu mula belajar bagaimana untuk menguruskan masalah-masalah yang rumit dan bersifat global itu. Untuk berbuat demikian mereka perlulah mencari satu budaya yang baru dan satu visi politik yang baru. Mereka mesti belajar untuk menyesuaikan diri dan membuat persediaan mencukupi dalam menyertai institusi sejagat yang baru. Mereka mestilah mengenal pasti apakah kelemahan dan keperluan mereka, dan memperkukuhkan kekuatan perundingan, semasa melibatkan diri dalam usaha institusi tersebut menyelesaikan masalah global, yang jelasnya negara secara individu tidak akan berkemampuan berbuat demikian.

Dunia membangun perlu mewujudkan satu generasi pakar-pakar undang-undang, sains sosial, strategik, teknologi dan ekonomi yang berupaya bekerja dalam satu kumpulan bagi memahami dan membuat projeksi mengenai viabiliti sistem dunia ke atas pembangunan ekonomi kebangsaan. Perkara-perkara ini perlu di fahami pada segenap sudut sama ada pada sudut ekonomi, undang-undang, diplomasi, politik, teknologi dan strategik dunia.

Ini adalah kerana, walaupun dari sudut kemanusiaan, masyarakat dunia sedang menuju ke arah keamanan, kerjasama, dan kesejahteraan, tetapi dari segi hakikinya kepentingan sendiri setiap negara dan rakyatnya merupakan perkara yang utama. Tambahan lagi selain daripada institusi negara, pada hari ini wujud satu institusi bebas sebagai aktor antarabangsa yang kadangkala lebih berkuasa dari negara-negara kecil iaitu, Syarikat Trans-Nasional (TNCs). Mereka ini terdiri daripada sama ada para industrialis, teknologis, pedagang ataupun semata-mata golongan spekulasi atau manipulasi. Tanpa memahami modus operandi dan membuat regulasi mengawal aktiviti mereka, kedudukan negara dan rakyat adalah sentiasa dalam bahaya.

NOTA

- Artikel ini sebahagiannya telah dibentangkan di Simposium Kebudayaan Indonesia Malaysia Ke VII di Bandung atas tajuk: Refleksi dan Kontribusi Undang-Undang dalam Menghadapi Perdagangan Bebas dan Industrialisasi - Perspektif Malaysia, (18-20 Disember 1997). Perbahasan mengenai “pembangunan” ini merupakan teras perbincangan dalam projek IRPA 07-02-02-0031, yang mana penulis adalah ketua projeknya iaitu, Asian Values and Democracy in South-East Asia: A Study of the Asian and Western Ideological Competition in International Law. Penulis juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Cik Ruzian Markom kerana membantu menyemak penggunaan bahasa dalam artikel ini.
- 1. Pensyarah di Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia.
- 2. Berdasarkan kepada Laporan UNDP 1997 yang baru dikeluarkan baru-baru ini yang diisytiharkan di Kuala Lumpur; Laporan *The Star* (Business, hlm. 2) Selasa, 16 September 1997, Menurut laporan tersebut pada tahun 1960 pendapatan 20 peratus penduduk dunia terkaya dunia mempunyai pendapatan 30 kali ganda melebihi pendapatan 20 peratus penduduk termiskin dunia. Tetapi jurang ini menjadi 60 kali ganda dalam tahun 1990. Keadaan yang sama juga dikatakan berlaku di antaran penduduk termiskin dan terkaya dalam sesebuah negara. Sebab utama berlakunya pemisahan yang besar itu adalah peranan spekulasi dalam mencai kekayaan, bukan melalui usaha cara yang biasa.
- 3. Hart, H.L.A. 1961. *The Concept of Law*, Oxford University Press, hlm. 16.
- 4. Ibid, hlm. 97.
- 5. David M. Trubeck 1972. Toward a Social Theory of Law: An Essay of the study of Law and Development, *Yale Law Journal*, Vol. 81, hlm.1-50, pd. hlm. 4.
- 6. Jimly Asshiddiqie 1995. Kedudukan dan Peranan Hukum Tata Negara Dalam Pembangunan, *Hukum dan Pembangunan*, No. 2 (April), hlm. 135-154, pada 136.
- 7. Hashim Yeop Sani 1980. *Our Constitution*, Law Publishers (M) Sdn. Bhd., hlm. 17.
- 8. Perkara 3, *Perlembagaan Malaysia* 1957.
- 9. Perkara 152, *Perlembagaan Malaysia* 1957.
- 10. Lihat, Hashim Yeop Sani, *Our Constitution*, hlm. 38.
- 11. Mohd Sheriff Mohd Kassim 1993. Vision 2020's Linkages with the Sixth Malaysia Plan and the Second Outline Perspective Plan, dalam, Ahmad Sarji ed. 1993. *Malaysia's Vision 2020: Understanding the Concept, Implications and Challenges*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm. 67.
- 12. Muthiah Alagappa 1994. *Democratic Transition in Asia: The Role of the International Community*, Honolulu:East-West Center, hlm. 32.
- 13. A. Organski 1965. *The Stages of Political Development*, hlm. 7.
- 14. Thomas M. Franck 1972. The New Development: Can American Law and Legal Institutions Help Developing Countries? 12, *Wisconsin Law Review*, hlm. 767-801, pada 772.

15. Lihat perbincangan David M. Trubek 1972. Towards a Social Theory of Law: An Essay on the Study of Law and Development, 82 *Yale Law Journal*, hlm. 6-8.
16. J. Gardner 1980. *Legal Imperialism*, hlm. 7.
17. Thomas M. Franck, *Ibid.*, hlm. 777.
18. Lihat *Ibid.*, hlm. 791; Menurut kajian Professor Franck, perkara ini di warisi oleh sistem dan profesyen undang-undang di enam buah negara Komonwealth yang dikaji iaitu, Botswana, Zambia, Kenya, Uganda, Singapura dan Malaysia. Peguam tidak dianggap sebagai ahli sains polisi, tetapi cuma sebagai pakar dalam menderaf undang-undang dan kontrak, dan pandai berhujah di mahkamah dengan merujuk kepada lapuran kes-kes yang lepas terutamanya kes mahkamah yang lebih tinggi.
19. Anthony Carty (ed.) 1992. *Law and Development*, England: Dartmouth Publishing Company Limited, hlm. xvii.
20. Lihat tulisan-tulisan seperti: P. de Waart (ed.) 1988. *International Law and Development*, Martinus Nijhoff; P. De Waart and E Denters (eds.) 1992. *The Right to Development in International Law*, Martinus Nijhoff, dan; Garcia Amador 1990. *The Emerging International Law of Development* (versi bahasa Spanyol 1987).
21. *Id.*, hlm. xiii.
22. Declaration on the Right to Development, A/RES/41/128, 4 Disember 1986.
23. Edward Kwakwa 1987. Emerging International Development Law and Traditional International Law - Congruence or Cleavage? *Georgia International and Comparative Law*, hlm. 431-455, pd. 433.
24. Declaration on the Right to Development, A/Res/41/128, 4 Disember 1986.
25. Vienna Declaration and Programme of Action adopted at the World Conference on Human Rights, A/CONF.157/24, 25 Jun 1993.
26. The United Nations Blue Book series, Vol. VII, *The United Nations and Human Rights - 1945-1995*, Department of Public Information, United Nations, New York, 1995, hlm. 76.
27. Tanggungjawab ini secara asasnya timbul daripada; Artikel 1, para 3 Piagam PBB yang mengatakan, bahawa antara matlamat PBB adalah 'untuk mencapai kerjasama antarabangsa dalam menyelesaikan masalah antarabangsa yang bersifat ekonomi, sosial, kebudayaan atau kemanusiaan'. Matlamat ini dipernyatakan secara lebih menyeluruh di bawah Artikel 55, dan Artikel 56 menyatakan keperluan komitmen semua ahli ke arah 'mengambil langkah-langkah sama ada secara kerjasama atau persendirian bagi mencapai matlamat yang dinyatakan dalam Artikel 55 itu; Perisytiharan Ke Atas Prinsip-Prinsip Undang-Undang Antarabangsa Berkaitan Hubungan Persahabatan dan Kerjasama Antara Negara, 1970; Perisytiharan dan Program Penubuhan Satu Tata Ekonomi Antarabangsa Baru (NIEO) - (Resolusi 3201), 1974; Piagam Mengenai Hak dan Tanggungjawab Ekonomi Negara-Negara (Res. PA 1281, 1975), dan; Persiytihan Mengenai Strategi Pembangunan Antarabangsa Bagi Dekad Pembangunan PBB Ketiga, 1980.

28. Lihat, *Basic Fact About the United Nations*, United Nations, New York, 1996, hlm. 136.
29. Siri perundingan yang bersifat undang-undang, ekonomi dan politik yang bermula sejak tahun 1946. Perundingan-perundingan di bawah GATT hanya terpakai kepada perdagangan dalam barangan. Ia bertujuan membuka dan meliberalisasikan sistem perdagangan dunia melalui rundingan pengurangan tarif berhubung dengan perdagangan barangan tersebut.
30. WTO merupakan sebuah institusi formal yang ditubuh bagi melaksana dan memperbaiki peranan GATT. Bidang kerjasama WTO juga diluaskan kepada bukan sahaja perdagangan dalam barangan, tetapi juga perdagangan dalam perkhidmatan, pelaburan berkaitan perdagangan dalam barangan dan perdagangan dalam harta intelek.
31. WTO 1995. *WTO - Trading into the Future*, WTO: Information and Media Relations, hlm. 5-6.
32. Mohammad Sadli 1995. ASEAN: A Personal Reflection, Dalam "*ASEAN in a Changed Regional and aInternational Political Economy*, Ed., Hadi Soesastro, Jakarta: CSIS, hlm. 240.
33. Conrad Phillip Kottak 1991. *Cultural Antropology*, McGraw-Hill, Inc., hlm. 133.
34. [Http://www.ned.org./page1/resource.html](http://www.ned.org./page1/resource.html)
35. Leonard C. Sebastin 1992. *The Logic of Guardian State: Governance in Singapore's Development Experience*, South East Asian Affairs, Institute of South East Asian Studies, Singapore, hlm. 279.
36. Contohnya dilihat dari kurikulum pengajian hukum dalam *Prospektus Fakultas Hukum, Universitas Indonesia*.
37. Lihat kes, *Bencon Development Sdn. Bhd. v. Yeoh Cheng Cheng* [1996] 4 CLJ 25; Hakim dalam kes ini berkata bahawa Mahkamah boleh mengambil 'judicial notice' mengenai amalan orang-orang kampung dalam hubungan antara penyewa dengan tuan tanah. Ini boleh membantu dalam pembentukan 'common law' negara Malaysia. Bahkan Akta Undang-Undang Sivil 1956, mengenakan batasan ke atas penggunaan prinsip ekuiti undang-undang Inggeris, iaitu setakat mana ia dibenarkan oleh keadaan masyarakat tempatan.
38. O.W. Holmes 1920. *Law in Science and Science in law*, In *Collected Legal Papers* 210, 238-9.
39. WTO 1995. *World Trade Organisation: Trading into the Future*, hlm.5.
40. *Ibid.*, lihat nota 25.
41. Robert Scalapino 1992. *National Political Institution and Leadership in Asia*, *The Washington Quarterly*, Autum, hlm. 157-8.
42. Ibrahim F.I. Shihata 1991. *The World Bank and Governance Issues in its Borrowing Members*, Dalam Tsochfen & A.R. Parra, eds., *The World Bank in a Changing World*. Dordrecht: Martinus Nijhoff, hlm. 85.
43. Frank K. Upham. *Speculations on Legal Informality: On Winn's Relational Practices and the Marginalization of Law*, *Law and Society Review*, Vol. 28, Number 2, hlm 232.

44. Lihat, Indonesia Malaysia Thailand Growth Triangle Development Project, *Overall Report*, Asian Development Bank, 20 July 1994, hlm. 21.
45. Menurut Mekanisma TPRM empat negara dagang utama, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat, Jepun dan Kanada perlu membuat laporan dua tahun sekali, 16 negara berikutnya berdasarkan kepada jumlah dagangan mereka perlu menghantar laporan 4 tahun sekali manakala yang selain dari itu 6 tahun sekali. Laporan ini akan dibandingkan dengan laporan detail yang akan disediakan oleh Sekretariat WTO sendiri dan hasil daripadanya akan diterbitkan bersama-sama laporan sidang Badan Semakan Polisi Dagang (TPRB). Lihat, WTO 1995. *World Trade Organisation: Trading into the Future*, WTO: Information and Media Relations Division, hlm. 17.
46. Petikan dari Pernyataan Wawasan 2020 yang disampaikan oleh Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad pada 28 Februari, 1991; Lihat *Majalah 2020*, Disember 1995, Vol. 4, hlm. 1.
47. Igor Ivanovich Lukashuk 1997. The Law of the International Community, dalam, United Nations 1997. *International Law on the Eve of the Twenty-First Century - Views From the International Law Commission*, hlm. 52.
48. Christian Tomuscat 1933. Obligations Arising for States Without or Against Their Will", *Recueil des cours...* 1993-IV, vol. 241, hlm. 212. Dipetik oleh Igor Ivanovich Lukashuk 1997. *The law of the International Community, International Law on the Eve of the Twenty-first Century*, Views From the International Law Commission, New York: United Nations, hlm. 62.
49. Struktur dan mekanisma undang-undang antarabangsa (PBB dan Majlis Keselamatan) telah beroperasi dengan cekap bagi menyelesaikan masalah tersebut. Sehingga bagi setengah pihak langkah-langkah yang diambil telah melampaui kepentingan masyarakat dunia.
50. Contohnya Helms Burton Act dan D'Amato Act yang diperkenalkan oleh Amerika Syarikat yang penguatkuasaan melampaui batasan kedaulatan Amerika, iaitu menyetuh mana-mana syarikat asing yang menjadi target undang-undang tersebut walau pun mereka berada di luar Amerika.
51. Lihat, Andreas Jacovides 1997. The Role of International Law in the World Today and Tomorrow, United Nations 1997. *International Law on the Eve of the Twenty-First Century*, hlm. 78.
52. Ini dapat dilihat dalam pengelakkan kuasa Barat dalam usaha-usaha untuk mereformasi struktur PBB. Kewujudan sistem veto dan keahlian dalam Majlis Keselamatan jelas memperlihatkan motif Barat untuk kekal menguasai dunia sama ada dalam aspek pengaruh kekuasaan politik atau pun ekonomi. Sungguh pun Majlis Keselamatan mempunyai 15 ahli, lima ahli tetap iaitu Amerika Syarikat, Britian, Perancis, Rusia dan China mempunyai kuasa veto yang dianggap amat tidak sesuai dengan realiti masyarakat antarabangsa hari ini.
53. IMF atau Tabung Kewangan Antarabangsa juga masih kekal mengamalkan sistem pengurusan tidak saksama. Pengundian dalam IMF masih diasaskan kepada sistem undian keberatan (weighted voting) yang pada masa ini dikawal oleh Amerika, Jepun dan negara-negara Eropah Barat. Dasar-dasar dan teori ekonomi yang dipertahankan oleh IMF juga banyak dikritik kerana ia tidak

mengambi kira keperluan sebenar dunia membangun. Lihat, Antony Carty 1986. The Third World Debt Crisis: Towards new International Standard for Contraction of Public Debt, *Verfassung Und Recht in Uberse (Law and Politics in Africa, Asia and latin America*, hlm. 402.; The Star, 14 December 1997, Martin Khor, The Effectiveness of IMF loan to Asian Countries.